

Meneroka Pendorong Pencapaian Kursus Kewangan Perniagaan Dalam Kalangan Pelajar Program Diploma Pemasaran, Politeknik Port Dickson.

Ahmad Sukhimi Bin Mohamad Khidzir, Nurulyasmin Binti Ju Ahmad, dan Mohamad Niza Bin Abdul Gani
Politeknik Port Dickson

sukhimi@polipd.edu.my, nurulyasmin@polipd.edu.my, mniza@polipd.edu.my

Abstrak : Kursus Kewangan Perniagaan merupakan subjek teori dan kira-kira melibatkan terma, konsep, formula dan lain-lain yang memerlukan kefahaman yang jelas agar pelajar dapat menjawab dengan baik. Berdasarkan keputusan peperiksaan akhir, terdapat beberapa pelajar yang mengulang kursus pada setiap semester. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungkait di antara minat pelajar, gaya pembelajaran, motivasi pelajar dan sokongan pensyarah sebagai pendorong pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan. Kaedah kajian yang dijalankan berbentuk kuantitatif manakala kutipan data adalah melalui soal selidik yang diedarkan kepada responden. Seramai 110 orang responden terdiri dari pelajar Diploma Pemasaran telah memberikan maklumbalas terhadap soal selidik tersebut. Terdapat empat pembolehubah bebas yang dikaji iaitu minat pelajar, gaya pembelajaran, motivasi pelajar dan sokongan pensyarah manakala pencapaian pelajar di dalam Kursus Kewangan Perniagaan sebagai pembolehubah bersandar. Hasil analisis mendapati bahawa keempat-empat faktor mempunyai hubungan positif terhadap tahap pencapaian pelajar, dengan faktor penyumbang terbesar adalah faktor minat pelajar. Ini menunjukkan bahawa pencapaian dalam kursus Pemasaran pembelajaran haruslah disokong oleh faktor minat pelajar terhadap kursus, gaya pembelajaran, motivasi dalam diri pelajar serta sokongan pensyarah kepada pelajar. Dapatan kajian ini boleh memberi manfaat kepada pelbagai pihak terutama pendidik di peringkat Politeknik dan di institusi-institusi pendidikan yang lain dalam memahami wujudnya hubungkait di antara gaya pembelajaran, minat pelajar, motivasi pelajar dan sokongan pensyarah terhadap pencapaian pelajar di dalam kursus ini. Pemahaman ini dapat memberi indikasi kepada pensyarah agar memberi fokus kepada empat faktor yang dapat meningkatkan pencapaian pelajar-pelajar dalam kursus berkaitan dengan mempelbagaikan penggunaan alat sokongan mengajar dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih efektif.

Kata Kunci: *pencapaian pelajar, minat, gaya pembelajaran, motivasi pelajar dan sokongan pensyarah.*

1. PENGENALAN

Pencapaian pelajar merujuk kepada prestasi pelajar dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, sukan, seni, dan lain-lain. Prestasi pelajar boleh merangkumi pelbagai tahap pendidikan, dari peringkat sekolah rendah hingga pengajian tinggi. Pendidikan memainkan peranan yang penting untuk kemajuan dan pembangunan modal insan dalam merealisasikan misi dan visi sesebuah negara. Kaedah pembelajaran yang seimbang mampu melahirkan masyarakat yang berkualiti dan menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, kerajaan telah mewujudkan sistem pendidikan yang menawarkan pembelajaran meliputi pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat umur. Bagi menyokong usaha ini, politeknik merupakan salah satu institusi yang menyumbang kepada sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara. Di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia Pendidikan Tinggi 2015-2025 (PPPM-PT) bagi pengajian tinggi telah menggariskan sepuluh lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan pelajar. Salah satu daripadanya ialah yang berkaitan dengan pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah terma untuk menghasilkan graduan TVET yang berkualiti iaitu menghasilkan graduan yang mempunyai kemahiran dari aspek kemahiran vokasional (vocasional skills), kemahiran teras (core skills) dan kemahiran kebolehgajian (employability skills). Latihan Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET) adalah salah satu pemacu kritikal dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk mengangkat Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi. Malaysia sangat mementingkan kedudukan sektor TVET, ianya adalah salah satu faktor untuk menjadikan Malaysia negara maju dalam memenuhi cabaran dan tuntutan negara berpendapatan tinggi. TVET juga menggalas tanggungjawab dalam meningkatkan tenaga kerja berkemahiran tinggi serta bersedia menghadapi cabaran IR4.0 (Ismail & Hassan, 2019)

Pencapaian akademik pelajar dianggap sebagai petunjuk penting dalam prestasi akademik yang cemerlang. Pencapaian akademik pelajar adalah sesuatu perkara yang dicapai pada tahap kemajuan melalui usaha dan ketekunan individu terhadap penguasaan ilmu atau kemahiran yang dipelajarinya berdasarkan kepada nilai mata yang dikumpulkannya. Pencapaian akademik yang tidak memberangsangkan menjadi buah mulut para pemimpin, tokoh-tokoh akademik dan masyarakat kerana gejala ini menyumbang kepada kadar pengangguran di Malaysia. Pelajar keluaran universiti sering diperkatakan kurang berkualiti dan tidak mempunyai daya tahan mental yang kental.

Pencapaian akademik pelajar adalah sesuatu perkara yang dicapai pada tahap kemajuan melalui usaha dan ketekunan individu terhadap penguasaan ilmu atau kemahiran yang dipelajarinya berdasarkan kepada nilai mata yang dikumpulkannya (Hafizah, 2015). Pencapaian ini diukur berdasarkan gred, skor mentah, dan pangkat untuk subjek atau keseluruhan kursus (Hafizah, 2015). Dengan erti kata lain, pencapaian merupakan kayu ukur kejayaan atau kegagalan pelajar berasaskan penilaian dan peperiksaan dalam sesuatu ujian. Gred bacaan baik yang diperolehi daripada instrumen penilaian pelajar dapat menghasilkan kesesuaian gaya pembelajaran serta memperolehi kecemerlangan dalam keputusan pencapaian pelajar.

Pengurusan Kewangan Perniagaan adalah proses merencanakan, mengawal, dan mengoptimumkan sumber-sumber kewangan yang berkaitan dengan operasi perniagaan. Ia melibatkan perancangan bajet, pengawalan aliran tunai, pemilihan sumber pembiayaan, pelaburan yang bijak, pengurusan risiko kewangan, audit dan pematuhan, perancangan cukai, pengurusan hutang dan kredit, analisis kewangan berkala, serta fleksibiliti dan adaptabiliti dalam menghadapi perubahan dalam persekitaran Perniagaan. Keseluruhan matlamat adalah memastikan kestabilan kewangan perniagaan dan pertumbuhan yang berkesan. Kursus Kewangan Perniagaan merupakan kursus yang penting dalam program pemasaran kerana dapat membantu individu dan Perniagaan untuk memahami konsep kewangan, merencanakan dan mengawal kewangan secara efisien, memilih sumber pembiayaan yang sesuai, melakukan pelaburan yang berwawasan dan mengelola risiko kewangan.

Seterusnya, transformasi pendidikan harus selari dengan arus teknologi dunia melibatkan pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran kolaborasi, kemahiran kreatif dan pemikiran komputesional perlu ditekankan apabila dunia pendidikan berkembang pesat dengan kaedah pengajaran, pendekatan serta teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, salah satu perkara utama yang perlu dikenalpasti adalah penerimaan dan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) haruslah lebih menyeluruh bagi memastikan pendidikan negara mencapai tahap kualiti yang baik. Penyampaian PdP Kursus Kewangan Perniagaan di Politeknik Port Dickson juga tidak terkecuali untuk dikaji bagi melihat adakah faktor hubungkait di antara gaya pembelajaran, minat pelajar, motivasi pelajar dan sokongan pensyarah memberi kesan terhadap pencapaian pelajar di dalam kursus tersebut. Mengkaji berkenaan faktor-faktor tersebut terhadap pencapaian pelajar adalah sangat penting bagi menjamin kejayaan dan kelestarian dalam melaksanakan proses PdP yang dinamik oleh pelajar, pensyarah dan institusi itu sendiri.

2. PERNYATAAN MASALAH

Pencapaian akademik pelajar adalah suatu perkara yang dicapai melalui tahap kemajuan pelajar itu sendiri melibatkan usaha dan ketekunan individu berdasarkan nilai mata yang dikumpulkannya. Menurut Nurhafizah (2018), pencapaian ini diukur berdasarkan gred, skor mentah dan pangkat untuk subjek atau keseluruhan kursus. Ini bermakna, pencapaian dalam akademik merupakan prestasi pelajar yang dinilai terhadap kejayaan atau kegagalan pelajar berasaskan penilaian dan peperiksaan dalam sesuatu ujian. Gred akademik yang baik diperolehi dari instrumen penilaian pelajar serta memperolehi kecemerlangan dalam keputusan pencapaian pelajar. Menurut Siti Zeharah Abd Rahman (2021), keberhasilan seseorang pelajar samada memuaskan atau tidak, bergantung kepada proses PdP yang berlaku di dalam sesebuah kelas.

Pengurusan Kewangan merupakan salah satu kursus yang wajib di ambil oleh pelajar semester dua bagi Program Diploma Pemasaran. Kursus ini penting kerana mengandungi asas terma bagi ilmu Perniagaandan pengetahuan tentang kewangan melalui teori, konsep dan kira-kira. Namun, pelajar yang mengambil subjek ini sukar untuk mengingat dan menjawab soalan berkaitan terma dan kira-kira dengan betul dan tepat dalam pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan oleh pensyarah. Yahya & Dk.Suzanawaty (2014), berpendapat bahawa antara punca yang menyebabkan pelajar kurang menguasai kemahiran mengingat dan menulis adalah disebabkan kekurangan kepelbagaian pendekatan, kaedah dan teknik dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan oleh pensyarah serta bilik darjah yang kurang kondusif. Punca seterusnya adalah disebabkan faktor dalaman iaitu minat dan sikap pelajar itu sendiri.

Kajian oleh Yoong dan Nasri (2021) memberikan tumpuan kepada masalah pembelajaran kira-kira berayat dalam kalangan pelajar. Dalam kajian beliau mendapati salah satu punca kelemahan pelajar adalah untuk memahami dan menukar masalah matematik dalam bentuk ayat kepada nombor. Manakala Seliaman dan Dollah (2018) mengkaji isu yang sama dalam kalangan pelajar sekolah rendah dengan menggunakan pendekatan kontekstual. Dalam kajian ini tumpuan diberikan terhadap pendekatan kontekstual dalam meningkatkan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Matematik.

Menurut Kamarudin (2003), kejayaan dan kegagalan pelajar dalam akademik bukanlah bergantung semata-mata kepada faktor pengajaran di dalam bilik kuliah sahaja tetapi berkaitan juga dengan proses pembelajaran itu sendiri. Pelbagai faktor telah dikaji oleh pakar-pakar dalam bidang penyelidikan bagi mencari punca-punca kemerosotan dan permasalahan dalam mencapai prestasi yang terbaik dalam akademik terhadap pelajar-pelajar IPT. Pencapaian awal,

minat, sikap, motivasi, dan kemahiran menyelesaikan masalah merupakan antara faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku.

Menurut Ridzuan Ismail (2002) pula, faktor-faktor lain juga didapati menyumbang kepada punca kemerosotan pelajar dalam pencapaian akademik seperti ketidakselarasan strategi dan pendekatan pengajaran pensyarah dengan keperluan dan kaedah pembelajaran pelajar di mana pelajar itu sendiri tidak tahu teknik dan cara pembelajaran yang berkesan dan efektif. Faktor-faktor tersebut adalah antara faktor yang boleh mengakibatkan berlaku fenomena kemerosotan pencapaian dalam pencapaian akademik di institusi-institusi pengajian tinggi.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi meneroka hubungkait di antara minat pelajar, gaya pembelajaran, motivasi pelajar dan sokongan pensyarah terhadap pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan bagi meningkatkan kefahaman pelajar berkaitan subjek ini. Pemahaman ini dapat memberi garis panduan kepada pensyarah agar memberi fokus kepada empat faktor yang dapat meningkatkan pencapaian pelajar dalam kursus berkaitan. Ini kerana, melalui kaedah pembelajaran yang seimbang mampu melahirkan masyarakat yang berkualiti dan menyumbang ke arah pertumbuhan sesebuah negara (Doreen et.al, 2021).

3. KAJIAN LITERATUR

3.1 Pencapaian Akademik

Menurut Research Center on Academic Success (CRIRES) (2005) pencapaian akademik didefinisikan sebagai pencapaian pada tahap tertentu yang diperoleh oleh individu dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan serta kemahiran dan tahap tersebut telah ditetapkan berdasarkan umur, proses pembelajaran yang telah dilalui serta kemampuan individu berkenaan dalam aspek pendidikan, kelayakan dan sosialisasi.

Menurut Ikhmal et.al (2020), pencapaian akademik ialah pengetahuan dan ilmu yang diperoleh atau kemahiran yang dibangunkan dalam sesuatu subjek. Pencapaian akademik juga ditakrifkan secara operasional melalui suatu ujian berasaskan penilaian guru dalam sesuatu ujian. Dalam erti kata lain, pencapaian akademik kebiasaannya diukur melalui keputusan peperiksaan dimana pelajar diuji untuk setiap subjek. Prestasi akademik akan terjejas secara negatif oleh penglibatan akademik yang rendah, motivasi yang terhad, dan kelakuan tingkah laku yang pasif (Carter, Lane, Crnabori, Bruhn, & Oakes, 2011).

Pencapaian akademik merupakan salah satu komponen terpenting dalam sistem pendidikan. Menurut Nor (2021), ibubapa dan masyarakat memandang pencapaian akademik sebagai elemen yang penting dalam kehidupan yang berorientasikan pendidikan, intelek dan sikap. Pencapaian akademik yang baik berfungsi sebagai pasport untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Kajian terhadap pencapaian akademik adalah sangat penting untuk membantu pengajar untuk mengenalpasti keadaan di mana pelajar membangun dan berkembang. Oleh itu, fungsi utama pencapaian akademik ialah sebagai kayu ukur kepada jumlah ilmu yang diperoleh seseorang.

Terdapat banyak kajian yang dilakukan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar pada tahap pengajian yang berbeza. Dhakal (2020) meneroka faktor sekolah, faktor pelajar dan faktor ibu bapa yang mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Namun, Atchia dan Chinapah (2019) telah menganalisis faktor sosioekonomi keluarga, kepemimpinan sekolah, faktor pelajar dan faktor guru yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar sekolah menengah di Mauritius. Mereka mendapati semua faktor tersebut memberi kesan positif terhadap pencapaian akademik pelajar. Mushtaq dan Khan (2012) mendapati komunikasi, kemudahan pembelajaran, bimbingan guru yang betul dan baik mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi akademik pelajar. Kajian Mahato (2018) menunjukkan bahawa aktiviti kurikulum, pengurusan sekolah, proses pembelajaran dan faktor fasiliti institusi pendidikan menyumbang kepada prestasi akademik pelajar.

Selain itu, terdapat pelbagai kajian yang menyatakan faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar adalah berpunca daripada kaedah pembelajaran, pendekatan pengajaran guru serta sikap pelajar sendiri (Muhamad Shafiq & Noraini, 2018). Terdapat peningkatan dalam penglibatan pendidik dalam mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Beberapa kajian diberi tumpuan semasa mengkaji faktor pelajar, sekolah dan keluarga dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Dari aspek faktor pelajar, pencapaian akademik dipengaruhi secara signifikan oleh sifat pelajar seperti minat, motivasi, dan sikap pelajar (Aydeniz & Kaya, 2015). Selain itu, ada pelajar yang memasuki kelas dengan persepsi buruk mereka, jangkaan yang rendah terhadap subjek tersebut dan keupayaan mereka untuk berjaya. Oleh itu, ia dapat ditunjukkan dari persepsi pelajar bahawa mereka tidak yakin dengan kebolehan mereka dan ini akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam akademik (Aydeniz & Kaya, 2015).

3.2 Minat Pelajar

Minat adalah keterlibatan penuh seseorang untuk memperoleh pengetahuan dan mencapai pemahaman tentang ilmu yang dipelajarinya. Emilda & Akrim (2020) menyatakan bahwa minat adalah kecenderungan yang tetap untuk seseorang melaksanakan beberapa kegiatan. Kegiatan yang diminati seseorang akan menyumbang kepada kejayaan. Jika ada pelajar yang kurang berminat terhadap pelajarannya, adalah amat penting untuk pelajar itu mengubah minat dan berusaha untuk memastikan kejayaan. Minat merupakan suatu sifat relatif yang ada pada diri seseorang. Minat mempunyai pengaruh besar kepada pelajar kerana seseorang akan melakukan sesuatu yang diminatinya dengan penuh kesungguhan untuk sebuah kejayaan. Sebaliknya, tanpa minat seseorang tidak mungkin melakukan sesuatu dengan penuh komitmen.

Meer Zhar & Shukri (2006) berpendapat bahawa corak pembelajaran, sikap, tiada minat dan kemahiran belajar serta kurang dorongan merupakan faktor utama permasalahan pelajar untuk menguasai bidang akademik. Ini juga jelas menunjukkan bahawa jika pelajar-pelajar menguasai elemen ini, ia mampu menjadi pendorong kepada kecemerlangan akademik. Menurut mereka juga, sikap malas, tidak gemar membaca, kurang minat dan dorongan merupakan faktor utama pelajar tidak cemerlang dalam akademik.

Jika dilihat dari aspek faktor pelajar, pencapaian akademik dipengaruhi secara signifikan oleh sifat pelajar seperti minat, motivasi dan sikap pelajar. Selain itu, ada pelajar yang memasuki kelas dengan persepsi buruk mereka, jangkaan yang rendah terhadap kursus tersebut dan keupayaan mereka untuk berjaya. Oleh itu, ia dapat ditunjukkan dari minat dan persepsi pelajar bahawa mereka tidak yakin dengan kebolehan mereka yang akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam akademik (Doreen & Shahlan, 2021).

Minat pelajar juga dikenalpasti sebagai motivasi ekstrinsik yang ditakrifkan sebagai kecenderungan untuk melakukan aktiviti atau tugas untuk mendapatkan ganjaran sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologi dalam persekitaran semula jadi (Branch, 2015). Motivasi ekstrinsik adalah pendorong kerja yang berasal dari faktor luar dari diri individu untuk melaksanakan tugas secara maksima. Dalam erti kata lain, motivasi ekstrinsik ialah minat, sikap dan tingkah laku seseorang individu yang dipengaruhi oleh faktor luar seperti ganjaran-ganjaran sebagai contoh berbentuk wang ringgit, kemashuran, gred yang baik dan pujian. Faktor-faktor pendorong kepada motivasi ini ialah daripada luar dan bukannya wujud dari dalam diri seseorang individu. Konsep motivasi ekstrinsik bertentangan dengan motivasi intrinsik. Dari perspektif akademik, Karsenti dan Thibert (1995) menyatakan motivasi ekstrinsik

ialah, tingkah laku pelajar dibentuk oleh faktor luaran seperti ganjaran dan hukuman. Pelajar yang termotivasi oleh motivasi ekstrinsik ini cenderung untuk melaksanakan tugas dirinya sendiri (Ormrod, 2011).

Menurut Abdul Halim Mohamad dan Wan Mohamad Wan Sulong (2006), dalam kajiannya ke atas pelajar Sarjana Muda Bahasan Arab di Institut Pengajian Tinggi Awam Malaysia mendapati bahawa sikap dan minat pelajar terhadap pelajaran Bahasa Arab adalah penting dalam menentukan kejayaan mereka. Noraini Omar (2008) dalam kajiannya mendapati terdapat hubungan antara sikap pelajar dengan pencapaian mereka dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Ramai pengkaji telah mengemukakan teori berkaitan faktor minat yang dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Antara faktor-faktor yang dikaitkan dengan pencapaian pelajar ialah minat, sikap, gaya pembelajaran, kaedah pengajaran dan latar belakang keluarga.

Oleh hal yang demikian, Nor Maizura & Norimah (2020) menegaskan bahawa minat adalah satu elemen yang penting dalam menentukan kejayaan seseorang pelajar. Justeru itu, seseorang pelajar akan mempunyai semangat yang tinggi dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai apa yang dikehendaki jika timbul minat dalam diri mereka. Hal ini kerana, minat belajar merupakan satu gabungan antara keinginan dan kemampuan yang dapat berkembang jika ada minat. Jika pelajar mempunyai minat yang jitu, usaha untuk memahami apa-apa yang dipelajari akan menjadi mudah dan dapat dilaksanakan dengan mempunyai skil, berupaya bekerja sendiri dan dalam kumpulan, berkebolehan merealisasikan dan berkeyakinan menyelesaikan masalah.

3.3 Gaya pembelajaran

Gaya pembelajaran seseorang merujuk kepada stail atau cara pembelajarannya. Gaya pembelajaran (*learning styles*) juga merujuk kepada cara interaksi individu dengan sistem maklumat atau rangsangan kemudian memproses dan menganalisa maklumat tersebut di dalam otak untuk dijadikan pengetahuan. Setiap orang mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri yang berbeza secara individu seperti mana cap ibu jari (Gremli, 1996). Gaya pembelajaran merupakan satu konsep yang paling penting dan perlu diberi tumpuan dalam aspek pendidikan di sekolah kerana ia merupakan faktor utama membentuk seseorang individu.

Pelajar merupakan seseorang individu yang unik dan berbeza di antara satu sama lain walaupun mereka berada dalam tahap pembelajaran yang sama. Perbezaan individu ini

merangkumi dari aspek pemikiran, tindakbalas, minat, kecenderungan, pencapaian dan pemahaman. Justeru, pelajar-pelajar ini mempunyai gaya yang tersendiri untuk menerima dan bertindakbalas serta menggunakan rangsangan dalam proses pembelajaran. Pendekatan yang diambil oleh setiap pelajar adalah dengan menurut tanggapan subjektif mereka terhadap kehendak pengajar atau konteks pembelajarannya. Pada pandangan para penyelidik, pengajar atau pendidik merupakan penggerak utama kepada pembelajaran para pelajar.

Pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kelas adalah suatu yang kompleks dan jarang sekali dipersoalkan bagaimana isi pelajaran dipindahkan dari pengetahuan guru kepada isi pengetahuan pengajaran. Di sekolah, para pelajar membentuk gaya pembelajaran tersendiri serta berinteraksi dengan maklumat dengan sokongan guru yang juga mempunyai gaya pengajaran tersendiri. Guru-guru selalu mengandaikan mereka hanya bertanggungjawab tentang subjek yang diajar tanpa menghiraukan proses kognitif pelajar tersebut (Subahan, T., 1996). Oleh itu, peranan guru tidak dapat dinafikan kepentingannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran akan lebih berkesan jika guru melaksanakan kaedah pengajaran yang bersesuaian melalui usaha memadankan kaedah pengajaran guru dengan gaya pembelajaran pelajar-pelajar (Dunn & Dunn, 1978).

Shea (1994) menyatakan pembelajaran ialah proses mental atau fizikal yang membawa perubahan dalam tingkah laku. Beliau berpendapat kebijaksanaan bukan sesuatu elemen statik tetapi adalah suatu sistem yang dinamik dan terbuka yang sentiasa berkembang sepanjang hayat. Kebanyakan proses pembelajaran yang signifikan adalah dari apa yang telah kita lakukan iaitu melalui tindakan dan pemerhatian. Gremler (1996) pula menyatakan bahawa gaya pembelajaran melibatkan aspek-aspek personaliti, pemprosesan maklumat, interaksi sosial, kecenderungan terhadap garis panduan, tumpuan perhatian terhadap sesuatu yang baru, unik dan terdapatnya kelainan dalam diri individu. Gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri seseorang individu adalah salah satu penentuan kearah kecekapan dan kebolehan mengasimilasikan ilmu yang dipelajari dengan cemerlang dan berkesan.

Objektif utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) ialah keberkesanan dan kecekapan seseorang melalui proses pembelajaran dalam kelas. Gaya pembelajaran yang sesuai penting untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Chambers, 1991). Chambers berpendapat bahawa pelajar harus menggunakan gaya pembelajaran sebagai kekuatan mereka dalam bidang akademik. Hal ini kerana cara yang bersesuaian dengan ciri-ciri pembelajaran akan menyebabkan pelajar di semua peringkat lebih bermotivasi dan seterusnya akan meningkatkan pencapaian akademik. Sebagai tambahnya, Dunn & Dunn (1979) menyatakan bahawa apabila

kaedah, sumber dan program dipadankan dengan sifatsifat gaya pembelajaran pelajar, maka pencapaian akademik dan sikap pelajar akan meningkat. Sebaliknya, jika padanan di antara pengajaran dan pembelajaran tidak sesuai, maka pencapaian akademik dan sikap juga turut merosot.

3.4 Motivasi Pelajar

Motivasi memainkan peranan yang sangat penting dalam kehidupan. Ia berkait rapat dengan tingkah laku, sikap dan norma seseorang individu. Motivasi adalah tingkah laku individu dalam melaksanakan keinginan dan tujuan mereka sendiri. Berdasarkan pernyataan tersebut, motivasi dianggap sebagai cara-cara seseorang individu dalam melakukan sesuatu pekerjaan dan tugas.

Menurut Ikmal et. al (2020), motivasi merupakan proses yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu. Motivasi dilihat sebagai satu tertib atau langkah-langkah yang teratur untuk mempengaruhi seseorang individu dalam menjalankan tugas. Dalam konteks pembelajaran, motivasi dianggap sebagai satu elemen yang penting dalam menghasilkan pembelajaran yang sempurna. Ini kerana, motivasi adalah proses dalaman, personal, proses sukarela dan tidak memaksa serta mengarahkan keupayaan intelektual dan mental.

Manakala Alhaadi & Norimah (2019) berpendapat, motivasi merujuk kepada kecenderungan diri seseorang untuk melakukan sesuatu. Ia bertindak sebagai penggerak kepada kemahuan dan keinginan untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu matlamat. Motivasi juga dikatakan sebagai rancangan kejayaan bagi seseorang atau rancangan mengelakkan diri daripada kegagalan. Aspek penting dalam motivasi ialah pelajar dapat melakukan sesuatu secara sukarela dan mengikut kehendak sendiri untuk mencapai matlamatnya.

Motivasi merupakan komponen utama persekitaran pembelajaran yang mengerakkan seseorang pelajar untuk belajar mengatasi pelajar yang lain (Selvi, 2010). Motivasi dalam pengajaran dan pembelajaran adalah penting kerana ia akan memberikan kesan terhadap pencapaian dan hasil pengajaran dan pembelajaran. Pelajar yang bermotivasi tinggi akan mendorong dirinya dan mempunyai keazaman untuk terus mengikuti pembelajaran tanpa gagal. Pelajar-pelajar yang bermotivasi tinggi pada kebiasaannya akan memiliki dorongan yang kuat serta mantap untuk terus meminati apa yang dipelajari, hasil dari rangsangan menerusi insentif dan motif pembelajaran (Zaliza & Zaitul Azma, 2014). Motivasi secara khasnya adalah terbahagi kepada dua komponen utama yang saling mempengaruhi iaitu

intrinsik dan ekstrinsik (Zul Fadhli & Norlena, 2018). Motivasi intrinsik yang dipengaruhi oleh dorongan dan kemahuan pelajar untuk belajar dan meneroka ilmu manakala, motivasi ekstrinsik merupakan faktor yang digerakkan oleh penghargaan, persekitaran pembelajaran yang kondusif dan aktiviti pembelajaran yang menarik (Mohd Zaki & Muhammad Firdaus, 2018).

Menurut Slameto (2013), motivasi merupakan proses yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu. Motivasi dilihat sebagai satu tertib atau langkah-langkah yang teratur untuk mempengaruhi seseorang individu dalam menjalankan tugas. Othman dan Ismail (2012) menjelaskan motivasi sebagai satu elemen yang penting dalam menghasilkan pembelajaran yang sempurna. Selain itu, dalam kajian lain pula motivasi adalah proses dalaman, personal, proses sukarela dan tidak memaksa, serta mengarahkan keupayaan intelektual dan mental (Seebaluck & Seegum, 2013).

Menurut Chong et. al (2012), aspek motivasi diri adalah tenaga yang mengangkat diri ke tahap yang diinginkan. Mana-mana individu yang benar-benar berjaya sentiasa sedar tanggungjawabnya dalam memotivasikan diri sendiri. Motivasi diri adalah kesanggupan seseorang melibatkan diri terhadap sesuatu dengan meletakkan sepenuh keupayaan untuk mendapatkan hasil terbaik. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai motivasi diri yang tinggi akan meletakkan sepenuh usaha untuk mendapat sasaran terbaik dalam pencapaian akademik.

3.5 Sokongan Pensyarah

Guru atau pensyarah merupakan golongan yang terlibat secara langsung untuk melaksanakan daya usaha dan pendekatan dari segi pengajaran dalam meningkatkan kualiti pendidikan serta memastikan pelajar memperoleh hasil-hasil pembelajaran yang maksimum dan berjaya. Oleh itu, para pendidik perlu lebih kreatif serta inovatif dalam memastikan sistem penyampaian menjadi sangat efektif, menarik, menyeronokkan dan dapat merangsang minat pelajar untuk belajar (Rohani, Hazri & Nordin, 2010).

Tugas sebagai seorang pendidik pada realitinya adalah sangat penting dan menjadi faktor penentu dalam kejayaan dan kegagalan seseorang pelajar. Kaedah pengajaran yang berkesan adalah perlu bagi menarik minat pelajar untuk belajar sehingga berjaya. Contohnya dalam mata pelajaran Sejarah yang dinyatakan oleh MA Shah et al. (2014), sememangnya guru perlu memainkan peranan yang penting dalam usaha menarik minat pelajar terutama subjek yang

memerlukan pembacaan yang banyak untuk mengelakkan rasa bosan. Seperti yang semua sedia tahu, mata pelajaran "*Principle of Marketing*" juga memerlukan penerangan yang jelas dan berkesan dari guru agar dapat menarik minat dan pelajar memahami apa yang dipelajari.

Menurut Doreen & Shahlan (2021), faktor sosioekonomi keluarga, kepemimpinan sekolah, faktor pelajar dan faktor guru adalah mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Mereka juga mendapati komunikasi, kemudahan pembelajaran, bimbingan guru yang betul dan baik mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan prestasi akademik pelajar. Ini menunjukkan bahawa aktiviti kurikulum, pengurusan sekolah, proses pembelajaran dan faktor fasiliti institusi pendidikan menyumbang kepada prestasi akademik pelajar.

Tugas sebagai seorang pendidik pada realitinya adalah sangat penting dan menjadi faktor penentu dalam kejayaan dan kegagalan seseorang pelajar. Kaedah pengajaran yang berkesan adalah perlu bagi menarik minat pelajar untuk belajar sehingga berjaya.

Kemahiran mengajar merupakan perkara penting dalam komponen keperluan guru (Mohamad, 2019). Kenyataan ini selaras dengan dapatan kajian Anuar et al. (2009) terhadap tahap keupayaan pengajaran guru dari persepsi pelajar terhadap lima aspek pengajaranguru; kajian mereka mendapati kemahiran mengajar guru merupakan aspek yang paling banyak menyumbang kepada pencapaian pelajar bagi mata pelajaran berbandingkebolehan guru, cara pengajaran guru, penggunaan bahan bantu mengajar dan perhatian guru terhadap kerja pelajar.

Manakala Kasim et. al (2017) menegaskan antara sifat-sifat guru yang berkesan ialah mempunyai kemahiran mengajar, termasuk menghubungkan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam pengajarannya. Seseorang guru perlu berpengetahuan dan mempunyai kemahiran. Kemahiran mengajar meliputi aktiviti perancangan, pengelolaan, penyampaian, bimbingan dan penilaian dengan tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran kepada pelajar-pelajar dengan berkesan iaitu menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik mengajar berlandaskan teori pengajaran dan pembelajaran. Seseorang guru harus menguasai kemahiran mengajar seperti memulakan pengajaran, mengemukakan soalan, menggunakan contoh-contoh, menggunakan papan hitam, menyediakan soalan yang baik, menutup pelajaran, kemahiran pengurusan bilik darjah dan kemahiran memotivasikan pelajar.

3.6 Teori Konstruktivisme

Menurut Jean Piaget (1976), iaitu pengasas teori Konstruktivisme dalam bukunya *'To Understand is to Invent: The Future of Education'* menerangkan bahawa pengetahuan dikembangkan daripada pembinaan pengetahuan oleh seseorang individu apabila individu berkenaan memahami pengetahuan tersebut (Seven et.al., 2017). Piaget memberi penekanan terhadap pengetahuan semasa yang bersifat tidak kekal dan berubah mengikut masa dan ini adalah satu proses yang berterusan dan sering disusun semula. Pendekatan Konstruktivisme telah lama digunakan dalam pengajaran bilik darjah di semua peringkat. Unsur-unsur Konstruktivisme dalam pendekatan ini menjelaskan bagaimana murid belajar dengan menyusun pengetahuan dalam minda mereka. Menurut teori Konstruktivisme, guru memainkan peranan sebagai moderator atau fasilitator dalam pembelajaran.

Pendekatan Konstruktivisme sosial tertumpu kepada pembelajaran bilik darjah pada asasnya. Ilmu pengetahuan dibina menerusi interaksi sosial antara guru dengan murid atau sesama murid (Abdullah et. al., 2013). Ini sejajar dengan pandangan Padmanabhan et. al., (2011) bahawa penglibatan bersama dengan orang lain akan membolehkan ilmu pengetahuan dibina dan dikonstruksi pada seseorang murid. Dalam interaksi sosial ini, murid didedahkan cara untuk belajar, iaitu menilai dan mengakomodasi maklumat serta ilmu pengetahuan ke arah pemahaman yang kukuh. Dalam pada itu, murid juga berpeluang untuk menjalin hubungan sosial dan belajar kemahiran pemprosesan informasi bagi memperoleh sesuatu ilmu pengetahuan yang dipelajari. Guru merupakan orang yang memainkan peranan penting untuk memberi motivasi kepada murid-murid bagi mencapai pembelajaran yang berkesan dan bermakna (Bakar et.al., 2012). Pembelajaran yang efektif memerlukan guru mengintegrasikan strategi, teknik dan aktiviti yang dapat merangsang kognitif pelajar mengikut perbezaan individu untuk membina konsep atau pengetahuan baharu dalam pembelajaran. Penerapan teori Konstruktivisme sebagai satu falsafah pembelajaran yang popular selama beberapa dekad ini dilihat sangat penting dalam membantu pelajar bagi membina dan menyesuaikan maklumat baharu untuk diaplikasikan dalam pembelajaran murid agar lebih dinamik dan responsif.

Buku Borich dan Tombari (1997) bertajuk *Educational Psychology : A Contemporary A Contemporary Approach* pula mengatakan pendekatan pembelajaran Konstruktivisme mengaitkan hubungan dalam minda tentang sesuatu fakta yang sedang dipelajari dan pelajar membina kefahaman terhadap perkara yang dipelajari (Umam et.al., (2019). Pendekatan Konstruktivisme adalah satu inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan

(Khadijah, 2011). Pendekatan Konstruktivisme menerangkan bagaimana pelajar menyesuaikan semua maklumat baru yang diperolehi dengan pengalaman sedia ada mereka untuk membentuk pengetahuan baharu dan disusun dalam minda. Dalam Konstruktivisme, guru bertindak sebagai fasilitator di mana individu yang berfikir akan berusaha untuk membina pengetahuan tanpa menerimanya secara pasif. Murid-murid juga menyelesaikan sesuatu tugas dengan usahanya sendiri serta melalui hubungan sosial bersama rakan dan gurunya. Umam (2019) mendefinisikan teori Konstruktivisme dalam pembelajaran sebagai pendekatan yang bersifat generatif, iaitu berkebolehan mencipta sesuatu makna daripada apa yang dipelajari. Dengan itu, latar belakang kehidupan seseorang murid akan menyediakan peluang kepada mereka untuk menyelami ilmu pengetahuan di alam persekolahan bersama rakan sebaya dan gurunya (Padmanabhan et. al, 2011).

4. Objektif Kajian dan Persoalan Kajian

4.1 Objektif Kajian

Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk mengkaji hubungkait di antara minat pelajar, gaya pembelajaran, motivasi pelajar dan sokongan pensyarah terhadap pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan ketika proses PdP dilaksanakan. Objektif khusus adalah seperti berikut:

1. Mengenalpasti hubungan faktor minat pelajar terhadap pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan.
2. Mengenalpasti hubungan faktor gaya pembelajaran terhadap pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan.
3. Mengenalpasti hubungan motivasi terhadap pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan.
4. Mengenalpasti hubungan sokongan pensyarah terhadap pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan.

4.2 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah menjawab kepada objektif kajian yang dinyatakan iaitu:

- a. Adakah minat pelajar mempengaruhi pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan?
- b. Adakah gaya pembelajaran mempengaruhi pencapaianpelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan?
- c. Adakah motivasi mempengaruhi pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan?
- d. Adakah sokongan pensyarah mempengaruhi pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan?

5. METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian melalui instrumen soal selidik dilaksanakan secara atas talian dengan menggunakan 'google form' dan ia merupakan kajian kuantitatif bagi mengumpulkan data dan maklumat daripada responden. Pemilihan responden dibuat berdasarkan teknik persampelan tak rawak dalam kategori persampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang bermaksud sampel kajian dipilih dengan tujuan tertentu. Jumlah populasi pelajar semester tiga dan empat adalah seramai 157 orang dan menurut jadual Krejcie and Morgan (1970), bilangan sampel minimum yang diperlukan adalah 108 orang. Seramai 110 orang responden telah memberi maklum balas bagi mengetahui kekuatan faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Kesemua data yang diperolehi dikumpul bagi proses memasukkan dapatan tersebut ke dalam perisian SPSS dan untuk dianalisis secara terperinci.

Instrumen soal selidik telah diolah mengikut kesesuaian kajian dari soalan yang dibangunkan oleh Ahmad Rizal (2005) dan telah diedarkan kepada sampel kajian. Soal selidik ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Di Bahagian A, melibatkan maklumat mengenai demografi responden manakala bahagian B pula pembolehubah yang dikaji. Kajian ini dipilih bagi mengetahui faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Skala Likert digunakan bagi item di Bahagian B iaitu skala 1 mewakili 'Sangat Tidak Setuju', skala 2 'Tidak Setuju', skala 3 'Kurang Pasti', skala 4 'Setuju' dan skala 5 mewakili 'Sangat Setuju'. Data daripada Bahagian A dianalisis secara deskriptif yang melibatkan demografi responden. Manakala data Bahagian B dianalisis

untuk mendapatkan skor min dan sisihan piawai.

Dalam kajian ini, terdapat 4 item pembolehubah yang dikaji iaitu faktor minat pelajar (18 item), faktor gaya pembelajaran(15 item), faktor motivasi pelajar (15 item) dan sokongan pensyarah(14 item). Terdapat empat analisis yang dijalankan iaitu (i) Analisis deskriptif yang digunakan dalam kajian ini adalah kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menilai latar belakang responden, (ii) analisis kebolehppercayaan item soal selidik, (iii) ujian *Korelasi Pearson* bagi melihat hubungan pembolehubah bebas dan bersandar serta (iv) ujian regresi berganda bagi mengkaji objektif kajian yang telah ditetapkan.

6. DAPATAN KAJIAN

Demografi responden dijelaskan pada Jadual 1. Dalam mengenalpasti latar belakang responden, ciri-ciri perlu dikenali. Majoriti responden terdiri dikalangan pelajar perempuan sebanyak (67.3%) dan majoriti pelajar berbangsa Melayu (80.9%), serta sedang mengikuti Program Diploma Pemasaran, di Politeknik Port Dickson ini.

Jadual 1: Profil Responden

Profil Responden (N=110)		
Ciri-ciri	Kekerapan	(%)
Jantina :		
Lelaki	36	32.7%
Perempuan	74	67.3%
Bangsa:		
Melayu	89	80.9%
Cina	2	2.5%
India	18	16.4%
Lain - lain	1	1.2%

6.1 Analisis Deskriptif

Secara keseluruhannya, Jadual skor purata min dan intepretasi min diadaptasi dari Chew dan Zul Hazmi (2018) seperti Jadual 2. Penilaian untuk minat pelajar adalah tinggi (skor purata min =4.19), untuk gaya pembelajaran berada pada penilaian tinggi (skor purata min= 4.28, untuk motivasi pelajar berada pada tahap tinggi (skor purata min=4.16) dan sokongan pensyarah berada pada tahap sangat tinggi (skor purata min = 4.32). sokongan pensyarah berada di penilaian yang paling tinggi di antara semua pembolehubah. Dapat disimpulkan bahawa semua responden bersetuju dengan item soal selidik kajian.

Jadual 2: Skor Purata dan Interpretasi Min

Skor Purata Min	Tafsiran
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 - 5.00	Sangat Tinggi

6.2 Analisis Kebolehpercayaan Data

Analisis kebolehpercayaan adalah asas kepada sesuatu data kajian. Terdapat dua Langkah analisis yang digunakan dalam kajian ini. Pertama melihat kebolehpercayaan sesuatu data dan kedua kesahan item soal selidik kajian. Nilai cronbach alpha dilihat bagi mengkaji kekonsistensi jawapan responden. Nilai alpha yang diperolehi bagi semua pembolehubah adalah melebihi 0.8 seperti Jadual 3 dibawah. Menurut Mohd Nasir Rayung (2022), bahawa nilai alpha diantara 0.50 hingga 0.80 diterima, manakala nilai alpha melebihi 0.80 adalah dianggap baik

dan relevan untuk kajian sebenar.

Jadual 3: Analisis Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Cronbach Alpha	Bilangan Item
Minat Pelajar	0.936	18
Gaya pembelajaran	0.961	15
Motivasi	0.968	15
Sokongan Pensyarah	0.841	14

6.3 Analisis Korelasi

Jadual 4 menunjukkan analisa *Korelasi Pearson*. Kesemua pembolehubah iaitu motivasi, gaya pembelajaran, minat pelajar dan sokongan pensyarah didapati mempunyai nilai korelasi yang positif terhadap pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan kerana semua berada pada aras signifikan $p < .01$. Ini bermakna bahawa semakin tinggi faktor motivasi, gaya pembelajaran dan minat pelajar, semakin meningkat pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan dalam kalangan pelajar. Dapatan ini adalah bertepatan dengan kajian Ghazali dan Sufean (2018) iaitu terdapat hubungan yang signifikan diantara semua pembolehubah dengan hubungan yang kuat iaitu 0.763 hingga 0.872.

Jadual 4: Korelasi Matrik

PU	Korelasi Pearson				
	M	GP	MP	BP	N
Motivasi (M)	1	.816*	.819*	.816*	0.794*
Gaya Pembelajaran (GP)	.816*	1	.879*	.872*	0.809*
Minat Pelajar (MP)	.819*	.879*	1	.819*	0.763*
Sokongan Pensyarah (BP)	.816*	.872*	.819*	1	0.763*
Pencapaian Pelajar (N)	.794*	.809*	.763*	.763*	1

*Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01

6.4 Hubungan Pembolehubah Minat Pelajar, Gaya pembelajaran, Motivasi Pelajar Serta Sokongan Pensyarah Terhadap Pencapaian Kursus Kewangan Perniagaan Dalam Kalangan Pelajar

Berdasarkan dapatan hasil analisis regresi berganda, keempat-empat pembolehubah bebas iaitu motivasi, gaya pembelajaran, minat pelajar dan sokongan pensyarah menyumbang kepada pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan dalam kalangan pelajar program Diploma Pemasaran Politeknik Port Dickson. Keputusan kajian ini diperincikan melalui analisis regresi berganda untuk melihat hubungan setiap dimensi pemboleh ubah bebas dengan pencapaian pelajar.

Tahap pengaruh semua pemboleh ubah terhadap pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan dalam kalangan pelajar program Diploma Pemasaran Politeknik Port Dickson adalah sebanyak 64.6% ($R^2=0.646$). Pembolehubah minat pelajar dan gaya pembelajaran paling berpengaruh dalam menentukan pencapaian pelajar di mana nilai t adalah 8.189 pada aras signifikan 0.000 ($p<0.01$). Keputusan ini menunjukkan bahawa responden kajian amat mementingkan minat pelajar dan gaya pembelajaran bagi mengingat fakta dengan penglibatan semua ahli kumpulan dalam melaksanakan gerak kerja semasa sesi pembelajaran berlangsung. gaya pembelajaran yang tinggi juga menunjukkan pelajar ini dikategorikan sebagai pelajar cemerlang serta mampu membuat perancangan jangka panjang dan jangka pendek dalam pembelajaran.

Seterusnya, pembolehubah yang menyumbang kepada pencapaian pelajar adalah pembolehubah sokongan pensyarah terhadap pencapaian pelajar. Terdapat hubungan yang signifikan iaitu nilai t adalah 1.732 pada aras signifikan 0.008 ($p<0.01$). Hal ini mungkin disebabkan sikap pelajar yang sukakan idea baru dengan sokongan pensyarah bagi memberikan tumpuan yang jelas kepada sesuatu subjek yang memerlukan hafalan dan ingatan serta melibatkan pengaruh teknologi sesuai dengan kaedah pembelajaran dalam menentukan penerimaan pembelajaran terhadap pencapaian pelajar.

Selain itu, pembolehubah motivasi turut menunjukkan hubungan yang positif iaitu signifikan dalam menentukan pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan dimana ia berada pada aras signifikan 0.008 ($p<0.01$) dengan nilai t adalah 6.642. Ini boleh ditafsirkan bahawa pelajar melihat aspek motivasi seperti pengaruh rakan sebaya, sumber rujukan dan penghargaan dapat meningkatkan motivasi dikalangan pelajar untuk berusaha bersungguh-sungguh dalam meningkatkan pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan.

Jadual 5: Analisis Regresi Berganda Faktor Minat Pelajar, Gaya pembelajaran, Motivasi Pelajar Serta Sokongan Pensyarah Terhadap Pencapaian Kursus Kewangan Perniagaan Dalam Kalangan Pelajar.

	(B)	<i>t</i>	<i>P(sig.)</i>
<i>Pemalar</i>	1.108	1.678	
Motivasi (M)	0.367	6.642	0.008**
Gaya pembelajaran(GP)	0.334	8.189	0.000**
Minat Pelajar (MP)	0.368	8.189	0.000**
Sokongan Pensyarah (BP)	0.068	1.732	0.008**

$R^2=0.646$, R^2 Terlaras= 0.578

Pembolehubah bersandar: Pencapaian Kursus Kewangan Perniagaan Dalam Kalangan Pelajar.

Secara keseluruhannya, pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan dalam kalangan pelajar Diploma Pemasaran Politeknik Port Dickson adalah baik. Walau bagaimanapun, pelajar yang mengalami masalah atau gagal dalam subjek ini mungkin dipengaruhi oleh minat yang rendah dan gaya pembelajaran yang tidak bersistematik. Salwati et.al (2017), menyatakan pelajar yang lemah dalam kemahiran gaya pembelajaran, adalah pelajar yang gagal dalam menyiapkan tugas mengikut masa yang ditetapkan dan seringkali membuat persediaan akhir dalam menghadapi peperiksaan. Ini akan mempengaruhi keputusan akademik pelajar tersebut. Oleh itu, minat dan amalan gaya pembelajaran yang baik dapat meningkatkan kecemerlangan akademik dalam pembelajaran.

7. PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini dapat menjelaskan hubungan antara pembolehubah motivasi, gaya pembelajaran, minat pelajar dan sokongan pensyarah menyumbang kepada pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan dalam kalangan pelajar. Di samping itu, kajian ini mengesahkan bahawa pembolehubah motivasi, gaya pembelajaran, minat pelajar dan sokongan pensyarah mempunyai hubungan yang positif terhadap pencapaian pelajar tersebut selaras dalam konteks kajian (Muhamad Shafiq & Noraini, 2018) terdapat pelbagai kajian yang menyatakan faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian akademik pelajar adalah berpunca daripada kaedah pembelajaran, pendekatan pengajaran guru serta sikap pelajar sendiri.

Kajian ini dapat menunjukkan gambaran awal kepada pensyarah dan juga kepada institusi pendidikan yang terlibat dengan kursus ini tentang pengaruh aspek motivasi, gaya pembelajaran, minat pelajar dan sokongan pensyarah terhadap gred pencapaian akademik pelajar terhadap bidang kursus yang dipelajari. Ini adalah signifikan dengan kajian yang dilakukan oleh (Aydeniz & Kaya, 2015) dari aspek faktor pelajar, pencapaian akademik dipengaruhi oleh sifat pelajar seperti minat, motivasi, dan sikap pelajar. Secara keseluruhannya, pandangan daripada responden telah menunjukkan rasa puas hati terhadap proses pembelajaran dilaksanakan semasa sesi perkuliahan. Kajian ini perlu di lanjutkan lagi untuk mengenalpasti punca pelajar yang lemah dan gagal menguasai subjek ini sepenuhnya.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah menjawab keempat-empat objektif kajian yang telah ditetapkan. Faktor-faktor pemboleh ubah motivasi, gaya pembelajaran, minat pelajar dan sokongan pensyarah didapati menyumbang kepada pencapaian pelajar bagi Kursus Kewangan Perniagaan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa pemilihan dan penggunaan bahan PdP yang sesuai seperti teknik sumbangsaran diperlukan untuk memudahkan pelajar mengingat fakta dan sebagainya. Setiap pelajar perlu mengenalpasti potensi diri agar memastikan diri mereka bukan sahaja cemerlang dalam bidang kursus yang diambil, malahan dapat mencapai tahap kebolehpasaran mengikut bidang Diploma Pemasaran Politeknik Port Dickson. Kajian lanjutan adalah dicadangkan bagi mengenalpasti punca pelajar gagal dalam subjek ini bagi menyokong tahap penguasaan bidang kursus dan pencapaian akademik pelajar dari pelbagai sumber.

RUJUKAN

- Abdullah, N., Hashim, A. T., Mansor, R., Noh, N. M., & Reduzan, N. H. (2013, June). Konstruktivisme: Dari Kaca Mata Guru Sains Dan Matematik. In *International Conference On Social Science Research, ICSSR 2013* (pp. 4-5).
- Abdul Aziz, Mohamad Ikhmal et al.(2022) Penguasaan Kemahiran Lisan Bakal Guru Bahasa Melayu: Tinjauan terhadap Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Masalah Pembelajaran dalam Talian Semasa Pandemik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, [S.l.], v. 4, n. 2, p. 103-114,. ISSN 2682-826X.
- Alhaadi I. & Norimah Z. (2019). Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(3), 2019: 23 – 30. (<https://doi.org/10.17576/jatma-2019-0703-03>).
- Atchia, S. M. C., & Chinapah, V. (2019). Factors affecting academic achievement of secondary school students in Mauritius. *Journal of Education and Research*, 9(1), 70–90.<https://doi.org/10.3126/jer.v9i1.28825>
- Azura, H., Nasir, R., Khairudin, R., & Sulaiman, W. S. W. (2015). Perbezaan Kecemerlangan Pelajar Daripada Perspektif Gaya pembelajaran, Keputusan Akademik Terdahulu Dan Jantina (Student's Academic Excellence from The Perspectives of Time Management, Past Academic Results and Sex). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 29(1):39-52.
- Bakar, Z. A., Kamaruddin, D. T. H. M. I.(2012), Pengaruh Sikap, Minat, Pengajaran Guru, Dan Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Pelajar. *Sejarah*, 96, 94-9.
- Branch, H. (2015). The Relation between Time Management and Job Stress in *Physical Education Lectures and Faculty Members of Hamedan Universities*, 8, pp. 60–63.
- Carter, E. W., Lane, K. L., Crnabori, M. E., Bruhn, A. L., & Oakes, W. P. (2011). Self-determination interventions for students with and at risk for emotional and behavioral

disorders: *Mapping the knowledge base. Behavioral Disorders*, 36, pp. 100-116.

Chew, F.P. & Zul Hazmi Hamad (2018). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui Teknik Penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 2018, pp. 1-12.

Croft, C. (1996). *Time Management*. International Thomson Business Press. UK.

Dhakal, K. R. (2020). Factors affecting academic performance of Students at community secondary school in Nepal. *Merit Research Journal of Education and Review*, 8(9), 165–170. <https://doi.org/10.5281/zenodo.4057006>

Doreen T. J. C. & Shahlan S. (2021). Sorotan Literatur Bersistematik : Faktor-Faktor Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*. Volume 6, Issue 12, December 2021. e-ISSN : 2504-8562.

Hafizah Abdul Razak (2015). Hubungan Antara Big Five Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Kamarudin Hj. Husin. (2003). Kemahiran Berfikir dan Berkomunikasi. Kuala Lumpur: Percetakan Sentosa (K.L) Sdn. Bhd.

Kasim, T. S. A. T., Abdurajak, F. S., Yusoff, Y. M., & Baharuddin, M. (2017). Pendekatan Konstruktivisme di Malaysia dan Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal Terhadap Pengalaman Guru Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research*, 2(1), 23-35.

MA Shah, Fauziah, Norhidayah, Khairiyah, Najwa & Wan Norhasniah (2014). Faktor, Kesan Dan Strategi Menangani Permasalahan Kurang Tumpuan Pelajar Sekolah Menengah Di Dalam Kelas: Suatu Kajian Kualitatif. Dirujuk pada <http://digilib.unimed.ac.id/4781/1/Fulltext.pdf>.

Mahato, S. (2018). Leaning environment and students' achievement in Nepalese Business

- School. *International Journal of Current Research*, 10(12), 76763–76769.
<https://doi.org/10.24941/ijcr.33616.12.2018>
- Meer Zhar Farouk A. R. & Muhammad Shukri S. (2006). Faktor-faktor Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Cemerlang di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kelantan bagi Semester Disember 2005-Mei 2006.
- Mehnaz Kaushar. (2013). Study of Impact of Time Management on Academic Performance of College Students. *IOSR Journal of Business and Management*. Volume 9. Issue 6.
- Mohamad, N. S. (2019). Penambahbaikan Prestasi Melalui Pemahaman Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran Ke Arah Inovasi Dan Amalan Terbaik. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 11(1), 73-109.
- Mohd Najib A. G. & Choong Y. W. (2002). Perkaitan Antara Gaya pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar UTM. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. Jilid 8 Oktober 2002. hal. 71-92.
- Mohd Nasir Rayung, Abdul Said Ambotang & Normiati Batjo (2023). Pengaruh Pengetahuan, Aplikasi Pengetahuan dan Keupayaan Imajinasi Terhadap Kemahiran Berfikir Pelajar 1 Pusat Tingkatan Enam, SMK Abaka, Tawau, Sabah.
- Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad, Nor Kamariah Kamaruddin (2020). Hubungan Antara Motivasi Intrinsik Dan Ekstrinsik Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Uthm Kajian Kes di Malaysia 2020 ISBN 978-967-2916-62-8 Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, 86400 Johor, Malaysia.
- Mushtaq, I., & Khan, S. N. (2012). Factors affecting Students' academic performance. *Annual Conference of the North American Fuzzy Information Processing Society - NAFIPS*, 12(9), 16– 22. https://globaljournals.org/GJMBR_Volume12/3-Factors-Affecting-Students-Academic.pdf

- Nadhirah A. & Noraini S.(2014). Persepsi Mahapelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Terhadap Amalan Gaya pembelajaran. E-proceedings of the Conference on Management and Muamalah (CoMM 2014), 26-27 May 2014. *Synergizing Knowledge on Management and Muamalah* (E-ISBN: 978-983-3048-922).
- Nor, E. Z. (2021). Faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar Tingkatan 4 di sekolah menengah daerah Bentong, Pahang. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Nor Maizura O. & Norimah A. (2020). Korelasi Sistem Catatan Bergu Terhadap Minat Pelajar Dalam Kursus Perakaunan. 2020 *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial*. Vol. 1 Issue 1 (Special Issue – ITARC 2020).
- Normurni Mohamad (2023). Penerimaan Pelajar Politeknik Banting Terhadap Penggunaan Google Jamboard Dalam Kursus Sains, Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam, *Engineering And Technology International Journal* Maret 2023. DOI: 10.556442.
- Nurhafizah, A. M, Haryanti, M. A., Firdaus Mustaffa Kamal, M., & Amin Nur Yunus, F. (2018). The Identification of On Job Training (OJT) Problems among Malaysian Vocational College Construction Technology Students. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(4.21), 123-125. doi: <http://dx.doi.org/10.14419/ijet.v7i4.21.21628>.
- Padmanabhan, J., & Rao, M. P. (2011). Constructivist approach and problem solving ability in science. *Journal of Community Guidance and Research*, 28(1), 56-70.
- Ridzuan Ismail. (2002). Faktor-faktor yang mendorong pencapaian pelajar sekolah menengah agama bagi mata pelajaran KHB dalam peperiksaan PMR daerah Rendang. *Tesis Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil & Nordin Abd Razak (2010). Hubungan Guru-Pelajar dan Kaitannya dengan Komitmen Belajar Pelajar: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran antara Jantina Pelajar? *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2): 61-69.

- Salwati Binti Mohamed@Awang & Masliza Binti Mat Jusoh. (2017). Gaya pembelajaran: Faktor Kemerosotan Pencapaian Pelajar JKE Bagi Kursus Electrical Technology (DET1013). *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17)*.
- Seliaman, N., & Dollah, M. U. (2018). Pengajaran Matematik Sekolah Rendah menggunakan pendekatan Kontekstual: Satu kajian kes: Teaching Mathematics using Contextual Approach in Primary School: A Case study. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 8(1), 74–81.
- Seven, S., Tiryaki, S., & Ceylan, H. (2017). The Effect of the 5E Learning Cycle Model and Cooperative Learning Method in the Constructivist Approach on Academic Success 438 and Students' Attitude towards Subject of "Sound". *Journal of Education, Society and Behavioural Science*, 1-11.
- Siti Zeharah Abd Rahman, Rozita Radhiah Said & Marzni Mohamed (2021). Pengetahuan Bakal Guru BPBM Terhadap Teknik Pengajaran Karangan Jenis Berformat Menengah Atas. Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.
- Taylor, H. L. (1987). Time Management: A Guide to Effective & Productive Time Management. *Pelanduk Publication (M) Sdn. Bhd. Malaysia*.
- Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Osman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.
- Yoong, Ying Qi; Mohamad Nasri, NurFaradilla. (2021). Analisis Kesilapan Newman Dalam Penyelesaian Masalah Matematik Berayat. *Jurnal Dunia Pendidikan*, [S.l.], v. 3, n. 3, p. 373-380, nov. 2021. ISSN 2682-826X.



Zakaria, A. & Aisyah, N.A.M.N. (2017). Transformasi Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) : Kesiadaan Guru Vokasional dalam Pelaksanaan Pengajaran Kursus Seni Kulinari Kolej Vokasional. *FamilyEdu III*(Vol 3, No 2 (2017)): 65–72.